

# Pengajaran dan Pembelajaran Al-Quran Dalam Situasi Norma Baharu Pandemik Covid-19 Dalam Kalangan Pensyarah Universiti Selangor : Isu Dan Cabaran

## *Al-Quran Teaching and Learning in The Covid-19 Pandemic New Norm Situation: Issues and Challenges Among Universiti Selangor Lecturers*

Hafiza Ab Hamid<sup>1</sup>, Mumtazah Narowi<sup>2</sup>, Siti Amalina Khairundin<sup>3</sup>, Mohd Firdaus Khalid<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Asasi dan Umum, Universiti Selangor, Bestari Jaya, Malaysia;

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Asasi dan Umum, Universiti Selangor, Bestari Jaya, Malaysia;

<sup>3</sup>Pusat Pengajian Asasi dan Umum, Universiti Selangor, Bestari Jaya, Malaysia;

### *Progres Artikel*

Diterima: 1 Jun 2022

Disemak: 23 Julai 2022

Diterbit: 1 September 2022

### \*Perhubungan Penulis:

Hafiza Ab Hamid, Universiti Selangor, Bestari Jaya, Malaysia;  
Email: hafiza@unisel.edu.my

**Abstrak:** Proses pengajaran dan pembelajaran dalam norma baharu pandemik Covid-19 semestinya mempunyai kaedah yang tersendiri mengikut kreativiti pensyarah dan menjadi satu cabaran baharu yang perlu dihadapi kerana tidak dapat dijalankan secara bersemuka. Secara tidak langsung, pensyarah akan lebih kreatif dalam menggunakan dan mengaplikasikan pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan mengenalpasti perspektif pensyarah yang mengajar kursus-kursus berkaitan al-Quran terhadap pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam situasi pandemik Covid-19 dan cabaran yang dihadapi. Kajian ini menggunakan data kualitatif yang menggunakan kaedah kepustakaan dan soal selidik soalan terbuka. Kajian yang menggunakan pendekatan induktif ini akan menganalisis data primer dan sekunder seperti laporan-laporan penyelidikan dan artikel akademik. Kaedah soal selidik digunakan dalam kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah soalan terbuka yang melibatkan 7 orang pensyarah yang mengajar kursus-kursus yang berkaitan dengan al-Quran. Dapatan kajian mendapati pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah dalam talian menjadi satu cabaran kepada pensyarah dan pelajar yang mempunyai masalah akses internet yang lemah, serta tahap kemahiran pelajar juga mempengaruhi pensyarah bagi mengendalikan pelajar secara pengajaran dalam talian. Justeru, tidak semua pelajar dapat memahami sepenuhnya kelas dan kursus yang dipelajari. Kajian ini dapat membantu pihak universiti mengenalpasti cabaran pengajaran kursus al-Quran yang dihadapi oleh pensyarah serta dapat mencari alternatif yang boleh disesuaikan mengikut kemudahan yang ada di Unisel.

**Kata kunci:** Pengajaran dan pembelajaran (PdP), Al-Quran, Pensyarah, Cabaran

**Abstract:** The teaching and learning process in the new norm of the COVID-19 pandemic must have its own method according to the creativity of the lecturers. It has become a new challenge that needs to be faced because it cannot be carried out physically. Indirectly, lecturers will be more creative in using and applying their teaching and learning methods of the Quran. Thus, this study was conducted to identify the perspectives of lecturers who teach courses related to the Qur'an, on teaching and learning (PdP) in the Covid-19 pandemic situation and the challenges that they faced. This study uses qualitative data using library methods and open-ended questionnaires. Studies using this inductive approach will analyze primary and secondary data such as research reports and academic articles. The questionnaire method used in this study is to apply the open-ended question method involving seven lecturers who teach courses related to the Quran. The study's findings found that the implementation of teaching and learning using online methods is a challenge to lecturers and students with poor internet access and students' skill levels since it also influences lecturers to handle students online teaching. Thus, not all students can fully understand the classes and courses studied. This study can help the university to

identify the challenges of teaching al-Quran courses faced by lecturers as well as to find alternatives that can be adapted according to the facilities available in UNISEL.

**Keywords :** *Teaching and learning (PdP), Al-Quran, Lecturers, Challenges*

## Pengenalan

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan pandemik di seluruh dunia akibat penularan virus Corona yang menyebabkan wabak COVID-19. Selaras dengan itu, seluruh sektor diarah untuk diberhentikan tugas termasuk juga sektor pendidikan. Keadaan ini merangkumi sektor pendidikan sekolah serta pendidikan tinggi sama ada awam mahupun swasta. Akibatnya, proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berlangsung terpaksa ditukar daripada kaedah pembelajaran secara konvensional kepada kaedah maya atau dalam talian.

Menurut Siti Balqis dan Muniroh (2020), pemakluman PdP secara dalam talian memaksa tenaga pengajar yang juga termasuk di dalamnya adalah pensyarah untuk mempersiapkan diri dengan kemahiran-kemahiran tambahan seperti teknologi maklumat, penilaian dan juga ilmu pengajaran. Kaedah ini juga perlu disesuaikan dengan fasiliti yang terdapat di kediaman pelajar seperti gajet dan akses internet. Antara medium pilihan pelaksanaan PdP oleh para pensyarah adalah seperti Google Meet, Google Classroom, WhatsApp dan Telegram.

Di Universiti Selangor (Unisel), platform e-learning, Unisel Online Web Conferencing Platform (Unisel-OWC) serta WhatsApp merupakan medium utama penyampaian maklumat kepada pelajar serta PdP sepanjang arahan Bekerja Dari Rumah (BDR) dikeluarkan oleh pihak kerajaan. PdP norma baharu ini turut dirasai oleh pensyarah yang mengajar kursus yang berteraskan al-Quran. Sungguhpun PdP kursus al-Quran lazimnya dijalankan secara talaqqi atau bersemuka, namun disebabkan desakan semasa, para pensyarah kursus al-Quran di Unisel perlu berhadapan dengan situasi ini demi kelangsungan pembelajaran pelajar.

Menurut Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, belajar mengaji secara dalam talian merupakan satu wasilah (perantara) dengan menggunakan teknologi terkini yang digunakan oleh pengajar dan pelajar. Justeru, usaha dalam penyampaian ilmu membaca al-Quran ini adalah satu usaha murni serta dikurniakan kelebihan dan kemuliaan oleh Allah SWT kepada pengajar dan pelajar.

Proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) al-Quran merupakan suatu cabaran kepada pendidik dalam era norma baharu ini. Pembelajaran yang biasa dijalankan

secara bersemuka telah diambil alih dengan kaedah secara dalam talian. Pendidik perlu lebih kreatif dalam menyediakan platform pengajaran dan pembelajaran yang dapat membantu pelajar untuk meneruskan pengajian supaya tidak ketinggalan (Hussin, 2021). Menurut Ngadi (2021), proses PdP secara dalam talian ini memberikan cabaran dan implikasi yang besar kepada pendidik iaitu kestabilan platform pengajaran, kebolehcapaian internet yang baik dan pengurusan emosi. Kebolehcapaian internet ini merupakan cabaran yang turut dihadapi oleh pelajar dan guru terutama dalam penilaian tasmik al-Quran apabila guru tidak dapat mendengar bacaan pelajar dengan jelas dan pelajar sukar memfokuskan pembetulan yang dibuat oleh guru (Ismail et al., 2020).

Ridzuan & Nasir (2020) berpendapat, oleh kerana pengaplikasian PdP secara dalam talian berlaku secara drastik, keperluan mengkaji tahap kesiapan pelajar bagi PdP atas talian sangat penting. Ini bagi memastikan objektif pengajaran yang ditetapkan boleh dicapai. Selain itu, kajian ini bagi memastikan pelajar tidak ketinggalan dalam mengikuti sesi pembelajaran dengan baik. Syed Sallehuddin (2020) dalam laman rasmi e-WARTA MARA melontarkan pandangan, dengan pelaksanaan pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) secara dalam talian, pensyarah dapat memantau tugas atau latihan pelajar melalui platform seperti Google Classroom dan Microsoft Team. Beliau yang juga pensyarah Undang-undang Kolej Profesional MARA Seri Iskandar, Perak juga berpendapat, kaedah ini secara tidak langsung membolehkan pensyarah mendapatkan komen terus dari pelajar.

Umum mengetahui, kaedah talaqqi dan musyafahah merupakan kaedah tradisi dalam PdP al-Quran. Tambahan pula, kaedah ini merupakan kaedah yang dilalui oleh Rasulullah SAW sewaktu menerima wahyu dan mengambil bacaan daripada Jibril AS dan Jibril AS mengambalnya daripada Allah SWT (Muhamad et al., 2019)

## Metodologi

Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah kepustakaan dan soal selidik soalan terbuka sebagai kaedah pengumpulan data. Kajian kepustakaan merupakan kaedah yang digunakan bagi mendapatkan data dengan menganalisis dokumen daripada bahan ilmiah seperti

buku, artikel dan laporan penyelidikan (Shaffie 1991). Kaedah ini berfungsi sebagai gambaran awal terhadap kajian dan hala tuju pengkaji. Kaedah ini digunakan bagi menganalisis kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam norma baharu ini. Data kualitatif juga akan dikumpul melalui soal selidik secara soalan terbuka. Responden bagi kajian ini merupakan pensyarah di Pusat Pengajian Asasi dan Umum dan Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial. Oleh kerana populasi kajian adalah seramai 7 orang pensyarah yang mengajar kursus al-Quran dalam tempoh pandemik Covid-19, maka pengkaji telah memilih semua responden untuk kajian ini. Edaran soal selidik dibuat secara dalam talian. Seterusnya pengkaji membuat rumusan bagi setiap soalan yang diberikan oleh responden.

## Keputusan & Perbincangan

Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik soalan terbuka kepada 7 orang responden yang merupakan pensyarah yang mengajar kursus al-Quran di Universiti Selangor dalam tempoh pandemik Covid-19 ini berlaku. Soal selidik ini mengandungi 8 soalan yang berbentuk soalan terbuka. Dapatan kajian telah diterjemahkan dalam pernyataan di bawah:

Soalan [1] : Tempoh pengalaman mengajar	
Responden 1	4 tahun
Responden 2	11 tahun
Responden 3	2 tahun
Responden 4	13 tahun
Responden 5	20 tahun
Responden 6	11 tahun
Responden7	20 tahun

Berdasarkan pernyataan di atas, responden mempunyai pengalaman mengajar antara 4 tahun sehingga 20 tahun.

Soalan [2] : Bilangan kursus al-Quran yang di ajar setiap semester	
Responden 1	1
Responden 2	2
Responden 3	1
Responden 4	1-2
Responden 5	1
Responden 6	1
Responden7	1

Pada perkara kedua iaitu bilangan kursus al-Quran yang diajar setiap semester, responden ke-2 dan ke-4 mempunyai 2 kursus yang diajar pada setiap semester. Responden 1, 3, 5 dan 7 pula hanya 1 kursus al-Quran yang diajar pada setiap semester. Manakala responden ke-

6 hanya satu semester sahaja beliau mengajar kursus al-Quran.

Soalan [3] : Apakah kaedah pengajaran yang digunakan dalam tempoh pandemik Covid-19?	
Responden 1	Pengajaran dan talaqqi tilawah menggunakan OWC
Responden 2	Dalam talian
Responden 3	Kuliah secara dalam talian
Responden 4	Dalam talian ( <i>e-learning</i> )
Responden 5	Dalam talian
Responden 6	Dalam talian
Responden7	Dalam talian

Bagi perkara ketiga iaitu kaedah pengajaran yang digunakan dalam tempoh COVID-19, semua responden menggunakan kaedah secara dalam talian. Responden pertama menyatakan bahawa beliau menggunakan platform *Online Web Conference (OWC)* bagi pengajaran dan talaqqi tilawah bertajwid. Manakala, responden ke-4 menggunakan platform *e-learning* Unisel sebagai kaedah PdP. Menurut Hussin (2021), pendidikan yang berdasarkan Revolusi Industri 4.0, pembelajaran dalam talian menjadi satu keperluan penting dalam konteks pendidikan untuk generasi sekarang. Penguasaan penggunaan media teknologi dalam kalangan pendidik dan pelajar merupakan elemen yang amat penting untuk keperluan pendidikan semasa negara (Yusof & Tahir 2017).

Soalan [4] : Apakah isu-isu yang timbul sepanjang tempoh pengajaran dan pembelajaran bagi pengajar dan pelajar?	
Responden 1	Akses internet
Responden 2	Level kemahiran bacaan al-Quran yang berbeza dalam kalangan pelajar. Ada sebahagian pelajar yang melihat Quran ketika hafazan
Responden 3	Line internet yang tidak lancar
Responden 4	Capaian internet lemah. Pelajar mudah hilang fokus
Responden 5	Pelajar kurang fokus
Responden 6	Tiada masalah
Responden7	Akses internet yang tidak stabil

Merujuk kepada soalan ke-4 iaitu isu-isu yang timbul sepanjang pengajaran dan pembelajaran bagi pengajar dan pelajar, responden pertama, ke-2, ke-4 dan ke-7 menyatakan bahawa kebolehcapaian internet menjadi isu semasa sesi PdP dijalankan. Tahap kebolehcapaian internet yang lemah merupakan suatu cabaran dalam kelancaran sesi PdP dalam talian (Ngadi 2021; Mohamad 2021). Selain itu, responden ke-4 dan ke-5 menyatakan bahawa pelajar kurang memberi tumpuan semasa sesi PdP dalam talian dijalankan. Menurut Mohamad (2021), suasana yang tidak kondusif seperti riuh di rumah dan

ruang belajar yang tidak selesa merupakan faktor kesukaran pelajar untuk memberi tumpuan semasa PdP dalam talian dijalankan. Menurut responden ke-2, isu tahap kemahiran bacaan al-Quran yang berbeza dalam kalangan pelajar dan ada sebahagian pelajar yang melihat Quran ketika hafazan merupakan cabaran PdP dalam talian. Menurut Norhidayati (2020), proses tasmik hanya bergantung kepada kejujuran pelajar dan adalah amatlah perlu dilaksanakan secara bersemuka. Namun responden ke-6 tidak mempunyai masalah semasa PdP dalam talian.

<b>Soalan [5] : Merujuk kepada soalan 4, pada pandangan anda, bagaimanakah kaedah yang sesuai untuk digunakan dalam pengajaran dalam tempoh pandemik Covid-19?</b>	
Responden 1	<i>Voice note whatsapp</i>
Responden 2	Kaedah berpasangan antara pelajar yang baik bacaan dan lemah (kaedah mentor mentee)
Responden 3	Rakaman
Responden 4	Dikuatkuasakan penggunaan video ketika PdP
Responden 5	Online secara individu atau bersemuka secara terus dan berfokus kepada pelajar yang berkenaan sahaja
Responden 6	Online
Responden7	Online dengan internet yang pantas

Perbincangan bagi soalan ke-5 iaitu kaedah yang sesuai untuk digunakan dalam pengajaran dalam tempoh pandemik COVID-19 adalah berdasarkan isu yang dibincangkan dalam perkara keempat. Bagi isu capaian internet yang lemah, responden mencadangkan untuk menggunakan aplikasi *whatsapp* melalui *voice note*, kaedah rakaman video dan menggunakan capaian internet yang pantas. Bagi isu pelajar tidak memberi tumpuan semasa PdP, responden mencadangkan kaedah PdP secara dalam talian dilaksanakan secara individu atau bersemuka secara terus dan berfokus kepada pelajar yang berkenaan sahaja. Manakala isu tahap kemahiran bacaan al-Quran yang berbeza, responden mencadangkan kaedah mentor dan mentee iaitu berpasangan antara pelajar yang baik bacaan dengan yang lemah. Kaedah mentor dan mentee merupakan suatu program iaitu mentor sebagai pendidik, pemimpin atau pembimbing. Manakala, mentee sebagai pelajar. Kaedah ini membuktikan bahawa program mentor sebagai peramal penting dalam prestasi akademik mentee. (Ismail et al. 2015).

<b>Soalan [6] : Bagaimanakah maklumbalas pelajar terhadap sesi pengajaran dengan kaedah semasa ( dalam tempoh Covid-19) yang digunakan oleh pengajar?</b>
-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Responden 1	Penyediaan video pengajaran yang dimuatnaik di dalam e-learning membantu pelajar
Responden 2	Baik
Responden 3	Baik
Responden 4	Baik
Responden 5	Tahap pemahaman dan penguasaan pelajar terhadap sesuatu tajuk kurang memuaskan
Responden 6	Pelajar dapat menyesuaikan diri dengan pengajaran online
Responden7	Sederhana

Merujuk kepada soalan ke-6 iaitu maklum balas pelajar terhadap sesi pengajaran dengan kaedah semasa adalah baik (responden ke-2, ke-3 dan ke-4) dan sederhana (responden ke-7). Manakala, responden pertama menyatakan bahawa penyediaan video pengajaran yang dimuatnaik di dalam e-learning membantu pelajar dalam sesi pembelajaran dalam talian. Responden ke-5 menyatakan bahawa tahap pemahaman dan penguasaan pelajar terhadap sesuatu tajuk kurang memuaskan. Responden ke-6 menyatakan bahawa pelajar dapat menyesuaikan diri dengan pembelajaran secara dalam talian. Menurut Ibrahim (2020), interaksi pensyarah dengan pelajar adalah sangat penting dalam memberi kefahaman di samping kaedah pengajaran yang sistematik dan mudah difahami.

<b>Soalan [7] : Adakah kaedah yang digunakan boleh diteruskan dalam tempoh yang panjang? Mengapa?</b>	
Responden 1	Boleh sekiranya fasiliti seperti akses internet ditambah baik
Responden 2	Boleh sekiranya jumlah pelajar yg lemah dan baik seimbang
Responden 3	Boleh, kerana kuliah boleh berjalan pada bila-bila masa dan dimana sahaja
Responden 4	Boleh kerana pilihan yang ada tidak banyak
Responden 5	Boleh dengan penambahbaikan
Responden 6	Boleh. Ia bergantung kepada penerimaan pelajar. Jika pelajar dan pensyarah boleh selesa dengan kaedah ini, boleh sahaja diteruskan
Responden7	Boleh. Memudahkan dan menjimatkan masa dan ruang

Dapatan bagi soalan ke-7, semua responden bersetuju bahawa kaedah yang digunakan boleh diteruskan dalam tempoh yang panjang. Walau bagaimanapun, responden memberikan maklum balas bahawa pelaksanaan PdP secara dalam talian boleh diteruskan sekiranya fasiliti ditambah baik seperti kebolehcapaian internet yang baik, jumlah pelajar yang lemah dan baik di dalam kelas seimbang serta memudahkan dan menjimatkan masa dan

ruang. Kuliah juga boleh dilaksanakan pada bila-bila masa sahaja juga bergantung kepada maklum balas pelajar.

<b>Soalan [8] : Apakah cadangan penambahbaikan kaedah pengajaran &amp; pembelajaran secara dalam talian yang melibatkan kursus al-Quran?</b>	
Responden 1	Kemudahan perakam pengajaran bagi memastikan pelajar tidak ketinggalan & akses internet kepada pelajar dan pensyarah supaya dapat bertalaqqi bersama
Responden 2	Selalu muat naik bacaan al-Quran imam-imam yang terkenal untuk didengari oleh pelajar
Responden 3	Perlukan perisian al-Quran yang boleh menunjukkan kepada pelajar tentang hukum tajwid yang berlaku ketika pelajar sedang membuat bacaan
Responden 4	Sama dengan jawapan soalan ke- 5.
Responden 5	Tambah masa dan juga metode pengajaran terkini amat diperlukan
Responden 6	Pensyarah boleh membuka kamera untuk menunjukkan cara sebutan makhraj yang betul.
Responden7	Mewujudkan platform yang lebih mesra pengguna dan <i>multi function</i>

Menjawab kepada soalan yang ke-8 berkaitan cadangan penambahbaikan kaedah pengajaran & pembelajaran secara dalam talian yang melibatkan kursus al-Quran, secara kesimpulannya responden 1, 3 dan 7 mencadangkan pihak universiti menyediakan perakam dan platform yang pelbagai fungsi. Bagi pandangan respon 2,4 5 dan 6 lebih kepada memuat naik video rakaman bacaan imam-imam dan tambahan masa pengajaran serta menggunakan kaedah yang terkini bersesuaian dengan situasi semasa.

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, terdapat banyak isu dan kekangan yang dihadapi oleh pensyarah terhadap pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian khususnya kursus berkonsepkan al-Quran. Antara cabaran yang dinyatakan adalah seperti masalah akses internet, emosi dan persekitaran yang kurang kondusif serta kekangan masa. Pelbagai pihak perlu berganding bahu bersama dan usaha penambahbaikan perlu diketengahkan dalam menangani isu yang berbangkit bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian di musim pandemik Covid-19 ini bukanlah suatu halangan. Keperluan terhadap pelaksanaan kaedah PdP

yang baharu, medium penyampaian ilmu yang pelbagai dan meneruskan pembelajaran dalam berkumpulan secara maya mestilah diberi perhatian dalam dunia norma baharu ini. Terdapat cadangan daripada pensyarah agar mewujudkan platform yang lebih mesra bagi menyokong kaedah pengajaran dan pembelajaran norma baharu ini perlulah dilaksanakan secara kerap dan mestilah melibatkan semua pensyarah. Kursus seumpama ini perlulah membekalkan sebanyak mungkin kaedah PdP yang berguna untuk pelaksanaan pembelajaran dalam talian khususnya dalam suasana norma baharu. Diharapkan kajian ini dapat menjelaskan isu yang dihadapi oleh pensyarah dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian bagi kursus al-Quran di UNISEL dan pelbagai pihak perlu mengambil berat juga dari sudut pandang dan kekangan yang dihadapi oleh pelajar agar sesi pembelajaran dan penyampaian ilmu tetap dapat dilaksanakan dengan baik sekalipun dalam tempoh pandemik Covid-19. Malahan, keadaan semasa yang dihadapi dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian ini merupakan suatu alternatif baru dalam sistem pembelajaran abad ke-21..

## Rujukan

- Alias, N., Hasin, A., & Daud, Z. (2020). Covid-19: Isu Dan Solusi Pelaksanaan Pdp Dalam Talian Bagi Kursus Hifz Al-Quran Iv Di USIM. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/6809>
- Chua, Y. P. (2012). Book 2-Research Methods, 2nd edition. McGraw-Hill Education.
- Hidayati, M. (2020). Pembelajaran atas talian untuk pembelajaran sepanjang hayat. <https://news.utm.my/ms/2020/04/pembelajaran-atas-talian-untukpembelajaran-sepanjang-hayat/>
- Hussin, R. (2021). Pembelajaran dalam talian sebagai norma baharu. <https://www.usim.edu.my/news/in-ourwords/pembelajaran-dalam-talian-sebagai-norma-baharu>
- Ibrahim, M. A. (2020). Tahap Kepuasan Pelajar Terhadap Interaksi Pensyarah Dan Pembelajaran Kursus Tafsir Al-Quran Dalam Suasana Pandemik Covid-19. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/6847>
- Ismail, A., Sham, F. M., Abdullah, N. A., & Jui, M. K. K. (2015). Effect of Mentoring Program on Mentees' Academic Performance from an Islamic Perspective. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 37(1),29-38.

- Ismail, A., Osman, K., & Hassan, N. H. (2020). Cabaran pengajaran dan pembelajaran tasmik hafazan al-Quran secara atas talian sewaktu pandemik covid-19. *Bicara Dakwah Kali Ke 21: Dakwah Dalam Talian Semasa Pandemik*, 110-116. <http://www.ukm.my/bicaradakwah/wpcontent/uploads/2020/11/BD21-10.pdf>
- Ismail, I. (2020). Norma Baharu dalam Pendidikan, Cabaran Buat Pendidik MARA. Diakses pada 13 April 2021. <https://ewartamara.gov.my/2020/11/12/norma-baharu-dalam-pendidikan-cabaran-buat-pendidik-mara/>.
- Mohamad, N. M. (2021). Cabaran Pedagogi Norma Baharu di Kolej Universiti Islam Perlis (Kuips) Ketika Pandemik Wabak Koronavirus Covid-19. *Jurnal Pengajian Islam*. 14(Special Edition). 243-254. <http://jpi.kuis.edu.my/index.php/jpi/article/view/71>
- Muhamad, N., bin Hashim, A., Abdullah, W. H. B., Zaman, M. A. B. K., & Zamri, F. A. B. (2019). Kaedah Talaqqi Musyafahah dalam pengajaran Al Quran Wa Al-Hifz kurikulum dini SABK di Perak. *International Journal of Education*, 4(32), 273-283.
- Ngadi, E. (2021). COVID19: Implikasi Pengajaran dan Pembelajaran Atas Talian. Di akses daripada <https://www.usim.edu.my/news/in-our-words/covid19-implikasi-pengajaran-dan-pembelajaran-atas-talian/>
- Ridzuan, A. A. M., & Nasir, M. (2020). Kajian Tinjauan Impak Pandemik Covid-19 Terhadap Tahap Kesiediaan Pelajar Kolej Komuniti Lahad Datu bagi Pembelajaran Secara Atas Talian. In Seminar Pembelajaran Sepanjang Hayat Peringkat Kebangsaan (SPSH) (pp. 11-20). [https://www.researchgate.net/profile/Ahmad-Ridzuan-3/publication/348317544\\_Kajian-Tinjauan-Impak-Pandemik-Covid-19-Terhadap-Tahap-Kesiediaan-Pelajar-Kolej-Komuniti-Lahad-Datu-Bagi-Pembelajaran-Secara-Atas-Talian.pdf](https://www.researchgate.net/profile/Ahmad-Ridzuan-3/publication/348317544_Kajian-Tinjauan-Impak-Pandemik-Covid-19-Terhadap-Tahap-Kesiediaan-Pelajar-Kolej-Komuniti-Lahad-Datu-Bagi-Pembelajaran-Secara-Atas-Talian.pdf)
- Shaffie, M. (1991). *Metodologi Penyelidikan edisi ke-2*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yusof, M. N. M., & Tahir, Z. (2017). Kepentingan Penggunaan Media Sosial Teknologi Maklumat dalam Pendidikan IPTA. *e-BANGI*, 12(3), 1-10.